



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENEROKAAN ASAS LAKARAN TERHADAP PERKEMBANGAN EKSPRESI DAN KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ROFIDAH BINTI MUSA

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENEROKAAN ASAS LAKARAN TERHADAP PERKEMBANGAN EKSPRESI DAN KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

ROFIDAH BINTI MUSA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI,KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila Taipkan (✓):**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

	✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 06 (hari bulan) 04 (bulan) 2021.

i. **Perakuan pelajar :**

Saya, **ROFIDAH BINTI MUSA (M20181000721), FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENEROKAAN ASAS LAKARAN TERHADAP PERKEMBANGAN EKSPRESI DAN KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. **Perakuan Penyelia:**

Saya, **TS. DR. MUHAMAD FIRDAUS BIN RAMLI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENEROKAAN ASAS LAKARAN TERHADAP PERKEMBANGAN EKSPRESI DAN KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi syarat untuk memperoleh ijazah **SARJANA**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENEROKAAN ASAS LAKARAN TERHADAP PERKEMBANGAN EKSPRESI DAN KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

No. Matrik / Matric No.: M20181000721

Saya / I: ROFIDAH BINTI MUSA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was*

**TIDAK TERHAD
/OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt...Alhamdulillah setinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan IzinNya, Alhamdulillah thesis ini dapat disiapkan. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua Ibu bapa saya, Haji Musa bin Jusoh dan Hajah Zarah binti Muda kerana berkat doa, sokongan dan dorongan yang diberikan, saya dapat menyiapkan penulisan thesis ini. Kepada kedua anaknya Dhiya Qhalesya Suraya dan Muhammad Ummar Rizky, terima kasih kerana memahami tanggung jawab yang digalas. Tidak dilupakan juga kepada seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan kata-kata semangat agar perjuangan tetap diteruskan hingga ke garisan penamat.

Saya juga ingin dedikasikan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia utama saya, Ts. Dr. Muhamad Firdaus bin Ramli kerana telah memberikan bimbingan, dorongan kepada saya dalam menyelesaikan penyelidikan dan penulisan ini. Beliau juga sentiasa ada ketika saya memerlukan tunjuk ajar, menjadi tempat rujukan saya sepanjang tempoh pengajian dan penulisan thesis ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya buat penyelia kedua saya Dr. Zainuddin bin Abidinhadzir yang turut sama membantu melontarkan pandangan dan buah fikiran sepanjang tempoh bergelar pelajar. Buat rakan-rakan seperjuangan terima kasih saya ucapkan kerana telah bersama-sama membantu samada secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan kajian dan penulisan thesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih turut saya rakamkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Tajaan dan Pembiayaan kerana telah memberikan peluang kepada saya menyambung pengajian di peringkat Sarjana melalui tawaran Cuti Bergaji Penuh Dengan Biasiswa selama dua tahun. Tidak dilupakan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama sepanjang proses penyelidikan ini berlangsung. Terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan sekolah-sekolah yang terlibat dalam proses pengutipan data bagi menjayakan kajian ini. Kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif yang telah menguruskan perjalanan pembelajaran sehingga tamat, saya ucapkan terima kasih.





Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keupayaan kanak-kanak dalam memahami asas lakaran semasa menjalani aktiviti artistik. Penyelidik juga menganalisis ekspresi diri kanak-kanak melalui penghasilan imej dalam lakaran. Seterusnya, adalah untuk menilai kefahaman guru tentang tatacara kanak-kanak menginterpretasikan asas lakaran terhadap kreativiti seni visual. Pendekatan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Instrumen-instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data kajian iaitu temu bual separa berstruktur dan dokumen lakaran kanak-kanak. Kajian ini melibatkan lapan orang guru sebagai sampel kajian dalam protokol temu bual, dan 25 orang kanak-kanak prasekolah dalam menghasilkan tiga tema lakaran. Dapatan kajian ini menunjukkan, keupayaan minat kanak-kanak dalam mengikuti aktiviti seni dan kreativiti perlu dipupuk serta mendapat bimbingan daripada guru. Selain daripada itu, kefahaman asas lakaran juga perlu dikuasai oleh guru agar dapat disampaikan kepada kanak-kanak dengan lebih berkesan. Ini adalah kerana, melalui minat yang dipupuk dapat menghasilkan kefahaman dalam diri kanak-kanak. Malahan juga, melalui kefahaman tentang asas lakaran yang dimiliki oleh kanak-kanak dapat memperkembangkan imaginasi, kreativiti dan kognitif diri. Ini dapat dikesan melalui kepelbagaiannya imej dalam lakaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Hasil dapatan turut dapat mengesankan ekspresi emosi diri yang digambarkan melalui lakaran. Kesimpulannya, melalui asas lakaran yang diaplikasi dalam lakaran bukan sahaja dapat menghasilkan imej, malah dapat menunjukkan perkembangan kreativiti, imaginasi, kognitif dan emosi dalam diri kanak-kanak. Implikasi kajian ini dapat mengenal pasti kelemahan dan kelebihan bimbingan guru terhadap kanak-kanak. Selain daripada itu, kajian ini dapat memberikan nilai tambah terhadap kaedah pengajaran dan bimbingan guru. Bimbingan khusus terhadap asas yang perlu diterapkan dalam pengajaran dan pemudah caraan (PdPc) bagi merangkumi tajuk unsur seni.





EXPLORATION BASIC OF DRAWING TOWARDS THE EXPRESSION AND CREATIVITY OF PRESCHOOL CHILDREN'S DEVELOPMENT

Abstract

This study aims to identify children's ability in understanding the basics of sketching during artistic activities. Researcher also analysed children's self-expression through the production of images in sketches. Next is to assess the teacher's understanding of children's procedures of interpreting the basics of sketching on visual art creativity. The approach of qualitative method and case study design were used in conducting this study. The instruments used to obtain the study data are semi-structured interviews and children's sketch documents. The study involved eight teachers as the study sample in the interview protocol, and 25 preschool children in producing three sketch themes. The findings of this study show that the ability of children's interest in following art and creativity activities needs to be nurtured and guided by teachers.

Apart from that, the basic understanding of sketches also needs to be mastered by the teacher in order to be conveyed to the children more effectively. This is because through nurtured interest, understanding in the child can develop. In fact, through the understanding of the basics of sketching possessed by the children, they can develop their imagination, creativity and self-cognition. This can be traced through the diversity of images in sketches produced by children. The findings can also detect the emotional expression of self that is depicted through sketches. In conclusion, through the basics of sketches applied in sketches, it not only produces images but also shows the creativity, imagination, cognitive and emotional development in children. The implications of this study can identify the disadvantages and advantages of teacher guidance to children. Besides that, this study can provide added value to teaching methods and teacher guidance. Specific guidance on the basics that need to be applied in teaching and facilitation (PdPc) for the topic of art elements.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN	i
PENGESAHAN PENYERAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	Viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.5.1 Objektif 1	10
1.5.2 Objektif 2	10
1.5.3 Objektif 3	10
1.6 Persoalan Kajian	10
1.6.1 Persoalan Kajian 1	10
1.6.2 Persoalan Kajian 2	10





1.6.3	Persoalan Kajian 3	10
1.7	Kerangka Teori Kajian	11
1.7.1	Kerangka Konseptual	13
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	16
1.9.1	Batasan Kawasan	16
1.9.2	Batasan Sampel Kajian	17
1.9.3	Batasan Tema Lakaran	17
1.9.4	Batasan Instrumen Kajian	17
1.9.5	Batasan Dapatan Kajian	18
1.10	Kesimpulan	18

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Perkembangan Kanak-kanak	20
2.3	Perkembangan Lakaran Kanak-kanak	21
2.4	Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah	24
2.5	Pendekatan Teori-Teori Perkembangan Artistik Dan Kreativiti Kanak-Kanak	26
2.5.1	Teori Perkembangan Artistik Hurwitz & Day	27
2.5.2	Tahap Kreativiti Irving A. Taylor	29
2.5.3	Teori Perkembangan Artistik oleh Vicktor Lowenfeld	31
2.6	Kajian-kajian lepas lakaran dan perkembangan kreativiti kanak-kanak	33
2.6.1	Penghasilan lakaran melalui aktiviti artsitik	34
2.6.2	Ekspresi diri kanak-kanak melalui imej dalam lakaran	37
2.6.3	Bimbingan, kefahaman dalam menginterpretasikan lakaran terhadap	40





kreativiti kanak-kanak

2.7 Kesimpulan	43
----------------	----

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	45
3.2 Reka bentuk Kajian	46
3.3 Sampel dan Lokasi Kajian	47
3.4 Instrumen Kajian	49
3.4.1 Temu bual	50
3.4.2 Dokumen Lakaran	51
3.5 Pengumpulan Data	52
3.5.1 Protokol temu bual	53
3.5.2 Dokumen Lakaran	56
3.6 Analisis Data	59
3.6.1 Temu bual	60
3.6.2 Dokumen Lakaran	61
3.6.3 Kesimpulan	62

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	63
4.1.1 Analisis Kualitatif	64
4.2 Temu bual	65
4.2.1 Kefahaman guru terhadap pengajaran asas lakaran	67
4.2.2 Aktiviti lakaran dalam konteks seni dan kreativiti	69
4.2.3 Pendedahan asas-asas lakaran terhadap kanak-kanak	71
4.2.4 Gerak kerja aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran	74





4.2.5 Keadah guru membina kefahaman kanak-kanak	76
4.2.6 Kefahaman tentang ekspresi dan emosi diri	79
4.2.7 Imej lakaran kanak-kanak membantu cikgu memahami ekspresi diri	83
4.2.8 Teknik lakaran diaplikasi oleh kanak-kanak dalam penghasilan imej	86
4.2.9 Pendekatan digunakan untuk menginterpretasikan asas lakaran terhadap pembinaan kreativiti	89
4.2.10 Kaedah guru membimbing kanak-kanak melakar	90
4.2.11 Kaedah memupuk minat kanak-kanak melakar	94
4.2.12 Kekangan fokus kanak-kanak dalam aktiviti melakar	97
4.2.13 Cara kanak-kanak ekspresikan diri dalam lakaran	100
4.2.14 Kesan penghasilan imej memberi terhadap ekspresi diri kanak-kanak	103
4.2.15 Dapatan imej lakaran kanak-kanak	105
4.2.16 Menghasilkan kefahaman melalui bimbingan kepada kanak-kanak dan menginterpretasikan asas lakaran	108
4.2.17 Membina kreativiti kanak-kanak melalui asas lakaran	109
4.3 Analisis Dokumen	112
4.4 Analisis Lakaran kanak-kanak sekolah A	113
4.4.1 Analisis lakaran rumah keluarga saya	114
4.4.2 Analisis lakaran kenderaan	136
4.4.3 Analisis lakaran ahli keluarga saya	151
4.5 Analisis Lakaran kanak-kanak sekolah B	165
4.5.1 Analisis lakaran rumah keluarga saya	165





4.5.2 Analisis lakaran kenderaan	172
4.5.3 Analisis lakaran ahli keluarga saya	180
4.6 Analisis Lakaran kanak-kanak sekolah C	187
4.6.1 Analisis lakaran rumah keluarga saya	187
4.6.2 Analisis lakaran kenderaan	194
4.6.3 Analisis lakaran ahli keluarga saya	199
4.7 Analisis Lakaran kanak-kanak sekolah D	206
4.7.1 Analisis lakaran rumah keluarga saya	207
4.7.2 Analisis lakaran kenderaan	214
4.7.3 Analisis lakaran ahli keluarga saya	220
4.8 Memupuk minat kanak-kanak dapat menghasilkan lakaran seni visual melalui aktiviti artistik	227
4.9 Gambaran ekspresi diri kanak-kanak melalui hasil	230
4.10 Bimbingan guru untuk menghasilkan kefahaman dalam menginterpretasikan asas lakaran terhadap kreativiti seni visual	235
4.11 Kesimpulan	240

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

5.1 Pengenalan	241
5.2 Perbincangan dan Rumusan	241
5.2.1 Keupayaan Minat dan pemahaman asas lakaran kanak-kanak	245
5.2.2 Ekspresi diri kanak-kanak melalui penghasilan imej	248
5.2.3 Kreativiti dalam penghasilan imej-imej lakaran kanak-kanak	250
5.3 Implikasi Dapatan Kajian	251
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	254
5.4.1 Sampel Kajian	254





5.4.2 Pembinaan Modul Pengajaran	255
5.4.3 Kandungan atau tema lakaran bebas	255
5.5 Kesimpulan	256
RUJUKAN	257
LAMPIRAN	263





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan guru, murid dan sekolah sebagai lokasi kajian	48
3.2 Matriks pengumpulan data diadaptasi daripada Egmal bin Adin (2017)	59
4.1 Set soalan yang digunakan dalam sesi temu bual terhadap lapan peserta kajian	66
4.2 Bilangan sekolah, peserta kajian dan jangka waktu sesi temu bual	67
4.3 Jadual bilangan sekolah dan murid	112
4.4 Lakaran kanak-kanak bertema rumah keluarga saya sekolah A	114
4.5 Lakaran kanak-kanak bertema kenderaan sekolah A	136
4.6 Lakaran kanak-kanak bertema keluarga saya sekolah A	151
4.7 Lakaran kanak-kanak bertema rumah keluarga saya sekolah B	165
4.8 Lakaran kanak-kanak bertema kenderaan sekolah B	172
4.9 Lakaran kanak-kanak bertema keluarga saya sekolah B	178
4.10 Lakaran kanak-kanak bertema rumah keluarga saya sekolah C	186
4.11 Lakaran kanak-kanak lakaran bertema kenderaan sekolah C	192
4.12 Lakaran kanak-kanak lakaran bertema keluarga saya sekolah C	197
4.13 Lakaran kanak-kanak bertema rumah keluarga saya sekolah D	205
4.14 Lakaran kanak-kanak bertema kenderaan sekolah D	212





4.15	Lakaran kanak-kanak bertema keluarga saya sekolah D	218
4.16	Memupuk minat kanak-kanak melalui instrumen temu bual	226
4.17	Aktiviti artistik melalui instrumen temu bual	227
4.18	Aktiviti artistik melalui instrumen lakaran	228
4.19	Menggambarkan ekspresi diri melalui instrumen temu bual	229
4.20	Menggambarkan ekspresi diri melalui instrumen lakaran	231
4.21	Guru dapat membimbing melalui instrumen temu bual	233
4.22	Bimbingan guru melalui instrumen lakaran	233
4.23	Menghasilkan kefahaman untuk menginterpretasikan asas lakaran melalui instrumen temu bual	234
4.24	Menghasilkan kefahaman untuk menginterpretasikan asas lakaran melalui instrumen lakaran	235
4.25	Rumusan dapatan bagi persoalan kajian 3 iaitu kreativiti seni visual kanak-kanak melalui instrumen temu bual	235
4.26	Rumusan dapatan bagi persoalan kajian 3 iaitu kreativiti seni visual kanak-kanak melalui instrumen lakaran	236





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka teoritikal kajian. Diadaptasi dan diubahsuai daripada “Model Discipline and Multi Discipline in Visual Art Education”.	12
1.2 Kerangka konsep kajian (teori, objektif dan proses dalam kajian ini)	14
3.1 Proses pengumpulan data Cresswell (1998) dalam Othman Lebar (2018)	53
3.2 Ringkasan proses pengumpulan data temu bual	54
3.3 Ringkasan proses pengumpulan data dokumen lakaran	57
4.1 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 1	67
4.2 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 1	69
4.3 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 1	71
4.4 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 1	74
4.5 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 3	76
4.6 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 2	79
4.7 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 3	83
4.8 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 3	86
4.9 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 3	89
4.10 Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 3	90





4.11	Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 1	94
4.12	Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 1	97
4.13	Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 2	99
4.14	Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 2	102
4.15	Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 2	105
4.16	Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab persoalan kajian 3	107
4.17	Soalan temu bual yang diajukan bagi menjawab objektif kajian 1	109
4.18	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 1 sekolah A	118
4.19	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 2 sekolah A	120
4.20	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 3 sekolah A	122
4.21	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 4 sekolah A	123
4.22	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 5 sekolah A	125
4.23	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 6 sekolah A	127
4.24	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 7 sekolah A	129
4.25	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 8 sekolah A	131
4.26	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 9 sekolah A	134
4.27	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 10 sekolah A	135
4.28	Lakaran kenderaan kanak-kanak 1 sekolah A	139
4.29	Lakaran kenderaan kanak-kanak 2 sekolah A	140
4.30	Lakaran kenderaan kanak-kanak 3 sekolah A	141
4.31	Lakaran kenderaan kanak-kanak 4 sekolah A	142
4.32	Lakaran kenderaan kanak-kanak 5 sekolah A	144





4.33	Lakaran kenderaan kanak-kanak 6 sekolah A	145
4.34	Lakaran kenderaan kanak-kanak 7 sekolah A	146
4.35	Lakaran kenderaan kanak-kanak 8 sekolah A	148
4.36	Lakaran kenderaan kanak-kanak 9 sekolah A	149
4.37	Lakaran kenderaan kanak-kanak 10 sekolah A	151
4.38	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 1 sekolah A	154
4.39	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 2 sekolah A	155
4.40	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 3 sekolah A	157
4.41	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 4 sekolah A	158
4.42	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 5 sekolah A	159
4.43	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 6 sekolah A	160
4.44	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 7 sekolah A	161
4.45	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 8 sekolah A	162
4.46	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 9 sekolah A	163
4.47	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 10 sekolah A	164
4.48	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 11 sekolah B	167
4.49	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 12 sekolah B	168
4.50	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 13 sekolah B	170
4.51	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 14 sekolah B	171
4.52	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 15 sekolah B	172
4.53	Lakaran kenderaan kanak-kanak 11 sekolah B	174
4.54	Lakaran kenderaan kanak-kanak 12 sekolah B	175
4.55	Lakaran kenderaan kanak-kanak 13 sekolah B	176
4.56	Lakaran kenderaan kanak-kanak 14 sekolah B	177





4.57	Lakaran kenderaan kanak-kanak 15 sekolah B	178
4.58	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 11 sekolah B	180
4.59	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 12 sekolah B	181
4.60	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 13 sekolah B	183
4.61	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 14 sekolah B	184
4.62	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 15 sekolah B	185
4.63	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 16 sekolah C	187
4.64	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 17 sekolah C	188
4.65	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 18 sekolah C	189
4.66	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 19 sekolah C	190
4.67	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 20 sekolah C	191
4.68	Lakaran kenderaan kanak-kanak 16 sekolah C	193
4.69	Lakaran kenderaan kanak-kanak 17 sekolah C	194
4.70	Lakaran kenderaan kanak-kanak 18 sekolah C	195
4.71	Lakaran kenderaan kanak-kanak 19 sekolah C	196
4.72	Lakaran kenderaan kanak-kanak 20 sekolah C	197
4.73	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 16 sekolah C	199
4.74	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 17 sekolah C	200
4.75	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 18 sekolah C	201
4.76	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 19 sekolah C	202
4.77	Lakaran ahli keluarga kanak-kanak 20 sekolah C	204
4.78	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 21 sekolah D	207
4.79	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 22 sekolah D	208





4.80	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 23 sekolah D	209
4.81	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 24 sekolah D	210
4.82	Lakaran rumah keluarga saya kanak-kanak 25 sekolah D	211
4.83	Lakaran kenderaan kanak-kanak 21 sekolah D	213
4.84	Lakaran kenderaan kanak-kanak 22 sekolah D	214
4.85	Lakaran kenderaan kanak-kanak 23 sekolah D	215
4.86	Lakaran kenderaan kanak-kanak 24 sekolah D	216
4.87	Lakaran kenderaan kanak-kanak 25 sekolah D	217
4.89	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 21 sekolah D	220
4.90	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 22 sekolah D	221
4.91	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 23 sekolah D	222
4.92	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 24 sekolah D	223
4.93	Lakaran ahli keluarga saya kanak-kanak 25 sekolah D	224
5.1	Lakaran imej ahli keluarga kanak-kanak melalui manipulasi imej	239
5.2	Lakaran kepelbagaian imej hasil lakaran kanak-kanak	242





SENARAI SINGKATAN

KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NAEA	National Art Education Association America
DBAE	Discipline-Based Art Education
RPT	Rancangan Pelajaran Tahunan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
PdPc	Pengajaran dan Pemudah caraan





SENARAI LAMPIRAN

- A Penerbitan Artikel
- B Perbentangan Artikel
- C Surat Jemputan Perbentangan
- D Sijil Perbentangan Kertas Kajian
- E Surat Kebenaran EPRD
- F Surat Kebenaran JPN
- G Surat Kebenaran Ibu Bapa
- H Surat Pengesahan Pelajar
- I Surat Lantikan Pakar
- J Borang Persetujuan Responden
- K Sijil Penghargaan Responden
- L Soalan Temu bual
- M Lakaran Kanak-Kanak





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Dalam penulisan bab 1, penyelidik menjelaskan tentang kajian yang akan dijalankan iaitu asas lakaran kanak-kanak prasekolah. Penyelidik akan menjelaskan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian dan tujuan kajian ini dijalankan. Selain daripada itu, penyelidik turut menyenaraikan objektif-objektif yang ingin dicapai serta persoalan kajian. Penyelidik turut menyediakan kerangka teori, kerangka konsep, kupasan tentang kepentingan kajian serta keterbatasan dalam menjalankan kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia pendidikan. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan dapat membekalkan murid dengan kemahiran, keyakinan diri dan





sikap yang positif untuk pembelajaran yang seterusnya. Kandungan yang dipelajari pada peringkat prasekolah pada asasnya merupakan pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan murid sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di peringkat sekolah rendah kelak.

Terdapat enam tunjang dalam kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 iaitu yang pertama Tunjang Komunikasi, yang kedua adalah Kerohanian, Sikap dan Nilai, dan yang ketiga tunjang Kemanusiaan. Tunjang keempat adalah Perkembangan Fizikal dan Estetika, kelima tunjang Sains dan Teknologi dan yang terakhir Keterampilan Diri. Seni visual prasekolah terkandung di dalam tunjang perkembangan fizikal dan estetika (KSPK Semakan, 2017).

Kanak-kanak memiliki potensi yang unik dalam bidang seni dan secara tidak langsung membantu mengembangkan domain kognitif. Margaret Brooks (2009) yang merujuk Piaget (1980), turut menyatakan bahawa hasil lakaran mencerminkan kecekapan kognitif dalam diri seseorang kanak-kanak. Penerokaan kanak-kanak dalam aspek lakaran dapat menyumbang kepada perkembangan kreativiti dalam pembelajaran. Pembelajaran di sekolah lebih berkembang dengan adanya keupayaan kanak-kanak melihat dengan cara yang lebih artistik.

Lakaran merupakan proses awal gubahan idea dan dilakar pada sesuatu permukaan. Asas lakaran adalah penerapan elemen khususnya garisan dalam penghasilan imej atau simbol. Lakaran melambangkan percakapan atau penceritaan tentang diri, orang yang berada di sekeliling serta persekitaran kanak-kanak. Hasil kerja seni visual kanak-kanak khususnya lakaran berfungsi sebagai alat komunikasi dan juga sebagai refleksi pemikiran kreatif dalam penyelesaian masalah yang rumit (Karolynne Gee, 2000).





Pendedahan asas lakaran untuk menghasilkan pelbagai imej sangat penting terutamanya bagi kanak-kanak prasekolah. Lakaran merupakan aktiviti yang mampu mencungkil kreativiti, intelektual serta menjana pemikiran kreatif kanak-kanak. Asas lakaran yang memberi tumpuan terhadap penggunaan garisan merupakan langkah permulaan sebelum menghasilkan sesebuah lukisan. Bahan yang digunakan dalam proses melakar adalah media kering seperti pensel, krayon, pastel, pen, pensel warna, dakwat cina dan arang (Mohd Johari Ab. Hamid, 2006).

Setiap kanak-kanak dianugerahkan dengan kreativiti seninya yang tersendiri. Kreativiti yang dimiliki oleh kanak-kanak adalah berbeza bergantung kepada didikan serta faktor persekitaran mereka. Penerokaan terhadap persekitaran memainkan peranan penting dalam melahirkan kreativiti yang tinggi serta perkembangan diri kanak-kanak. Mary Renck Jalongo dan Laurie Nicholson (1997) mendapati bahawa kanak-kanak di peringkat prasekolah, merupakan peringkat umur yang paling ideal untuk mengembangkan kebolehan kreatif dan imiginatif mereka.

Proses pembelajaran bagi kanak-kanak adalah melalui penerokaan terhadap persekitaran, ianya dapat memberikan pengalaman serta pengamatan yang lebih tajam kepada kanak-kanak. Penerokaan kanak-kanak di dasari oleh keinginan ingin tahu yang tinggi. Penerokaan kanak-kanak membawa kepada pembentukan kognisi, fizikal dan mental yang kuat. Kreativiti kanak-kanak dapat dikembangkan dengan menggabungkan pengalaman hasil daripada penerokaan dunia mereka (Suppiah Nachiappan, 2018).

Menurut Marlene Gharbo Linderman (1997), berdasarkan National Visual Arts Standard yang disediakan oleh National Art Education Association America (NAEA)





(1994), telah mengesyorkan supaya menyediakan kemahiran dan kebolehan seni terhadap kanak-kanak bermula di peringkat prasekolah atau tadika. Kanak-kanak prasekolah perlu ditekankan dengan asas lakaran supaya dapat merealisasikan idea menerusi lakaran sesuatu imej atau simbol dengan lebih tepat.

Pada peringkat prasekolah, kanak-kanak sesuai diberi penekanan terhadap asas lakaran supaya mereka dapat meluahkan pengamatan mereka terhadap sesuatu objek bermula dengan asasnya terlebih dahulu. Kanak-kanak di peringkat prasekolah tidak mempunyai koordinasi dan kemahiran kawalan yang diperlukan untuk merealisasikan imej dalam lakaran (Jill Englebright Fox & Robert Schirrmacher, 2015). Justeru itu, asas lakaran amat penting diterapkan terhadap kanak-kanak peringkat prasekolah sebagai asas terhadap penguahan lakaran. Kanak-kanak yang menguasai asas lakaran, akan dapat mengawal koordinasi dan kemahiran semasa melakar imej atau objek.

Asas lakaran merupakan aspek utama yang perlu diajar kepada kanak-kanak sebagai permulaan sebelum kanak-kanak di dedahkan dengan penghasilan lukisan, catan dan seterusnya (Mohd Johari Ab. Hamid, 2006). Menerusi lakaran yang dihasilkan, tafsiran di sebalik persembahan dapat dilakukan walaupun tidak mendapat penjelasan yang khusus daripada kanak-kanak tersebut. Kajian ini akan memfokuskan kepada asas lakaran iaitu garisan, rupa, jalinan, kepelbagai dan peringkat perkembangan kreativiti yang dapat dikesan melalui penghasilan lakaran kanak-kanak.

Melalui penguasaan terhadap asas yang kukuh kanak-kanak mampu menghasilkan lakaran yang lebih menarik. Persembahan di sebalik lakaran menjadi lebih jelas untuk menonjolkan emosi dalam diri kanak-kanak. Hasil perkembangan





seni kanak-kanak akan menunjukkan kecerdasan serta menonjolkan keperibadian diri mereka (Jill Englebright Fox & Robert Schirrmacher, 2015). Penerapan asas lakaran terhadap kanak-kanak, dapat membina keyakinan diri, dalam menghasilkan lakaran sama seperti yang tergambar dalam fikiran kanak-kanak.

Pemahaman terhadap asas lakaran menyediakan kanak-kanak agar dapat mengembangkan kebolehan kreatif yang ada dalam diri mereka. Lakaran juga merupakan proses kanak-kanak mengintegrasikan emosi, sosial dan estetika. Melalui aktiviti seni khususnya lakaran, merupakan salah satu cara kanak-kanak melibatkan semua perasaan mereka dalam pembelajaran dan ekspresi. Pembelajaran seni visual mampu meningkatkan sensitiviti kanak-kanak dalam dunia nyata dan menyediakan cara untuk menyatakan keadaan emosi dan imaginasi dalam cara yang lebih unik (Al Hurwitz & Michael Day, 2001).



Pemerhatian awal terhadap kanak-kanak berumur lima tahun, penyelidik mendapati bahawa secara semulajadi kanak-kanak telah memiliki bakat melakar, tetapi mereka tidak diasuh dengan cara yang betul. Kesannya, kanak-kanak sering dilihat menconteng lakaran pada dinding, lantai dan panel pintu. Kanak-kanak sering meluahkan idea kreatif di tempat yang tidak sepatutnya. Sedangkan kanak-kanak boleh diajar melontarkan idea kreatif dengan membuat lakaran atau contengan di tempat atau permukaan yang lebih sesuai.

Kanak-kanak yang kreatif mampu menghasilkan karya seni, yang merentas domain bahasa, kognitif, emosi, fizikal dan juga sosial (Hannah Mills, 2014). Kanak-kanak memiliki keistimewaan yang luar biasa dalam mengekspresi emosi diri mereka, meluahkan idea mereka yang kreatif, menonjolkan kreativiti yang dimiliki oleh kanak-kanak iaitu melalui aktiviti seni. Melalui karya seni khususnya lakaran, kanak-kanak





dapat menyampaikan idea mereka kepada orang lain tanpa bergantung kepada bahasa lisan (Jill Englebright Fox & Robber Schirrmacher, 2015).

Kreativiti adalah proses menghasilkan idea-idea yang baharu dan berkualiti tinggi (Sternberg & Lubart, 1995). Setiap individu memiliki potensi diri yang kreatif, tetapi ianya berbeza mengikut cara individu itu sendiri merealisasikan potensi sama ada secara meluas ataupun sebaliknya. Individu yang kreatif, tidak semestinya pintar dalam semua domain, sebagai contoh seseorang mempunyai kebolehan dalam bidang seni, tidak semestinya individu tersebut pintar dalam matematik.

1.3 Penyataan Masalah



05-4506832 Kanak-kanak memerlukan pengalaman, bimbingan dan pendedahan terhadap tbupsi

pelbagai jenis lakaran untuk mengembangkan seni dan estetika (Gay Hanna., Micheal Patterson., Judy Rollins., & Andrea Sherman, 2011). Penekanan atas lakaran perlu diberikan oleh guru kepada pelajar semasa proses Pengajaran dan Pemudah caraan (PdPc). Pemahaman mengenai prinsip-prinsip dan elemen-elemen seni reka dalam pengajaran serta pembelajaran seni visual berlandaskan modular bertema juga harus diutamakan.

Semasa menjalankan aktiviti, guru tidak seharusnya memaksa kanak-kanak untuk turut serta, tetapi perlu menggunakan pendekatan dengan cara menarik minat dan membimbing. Selain daripada itu, kanak-kanak seharusnya diberikan kebebasan dalam menentukan idea-idea mereka sendiri. Namun begitu, dalam aspek ini bimbingan guru diperlukan supaya aktiviti-aktiviti seni yang dilakukan mencapai





objektif sebagaimana yang terkandung dalam Tunjang Estetika dan Kreativiti (Jaffri Hanafi., Sharulnizam Ramli., & Sabzali Musa Kahn, 2014).

Guru perlu membincangkan tugas dengan mengajak kanak-kanak melontarkan idea-idea mereka menerusi lakaran awal pada kertas kosong. Ini kerana, pemikiran kanak-kanak perlu diberi rangsangan dengan cara komunikasi dua hala supaya mereka dapat mengimbas kembali pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Kanak-kanak seharusnya diberi kebebasan menentukan idea-idea mereka sendiri dan guru pula membimbing agar aktiviti-aktiviti seni yang dilakukan oleh kanak-kanak mencapai objektif sebagaimana yang terkandung dalam Tunjang Estetika dan Kreativiti (Jaffri Hanafi et al., 2014).



Hasil pembacaan literatur dan kajian lapangan yang dijalankan, penyelidik mendapati imej dalam lukisan diajar tanpa mendapat bimbingan asas lakaran dengan tbupsi terlebih dahulu. Penggunaan asas khususnya garisan sewaktu aktiviti melakar berlangsung tidak di beri perhatian. Hal ini adalah kerana segelintir tenaga pengajar yang mengajar tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap unsur dan prinsip rekaan seni visual (Yildiz, C., & Coban, A.E., 2019). Guru yang kreatif perlu berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya berkenaan dengan disiplin Pendidikan Seni Visual bagi melahirkan kanak-kanak yang berjaya (Jaffri Hanafi et al., 2014).





kepada kanak-kanak untuk memulakan lakaran sesuatu imej. Sebelum kanak-kanak mampu menghasilkan imej yang lebih terperinci semasa berkarya, mereka seharusnya diberi bimbingan yang khusus. Guru akan mengalami kesukaran dalam memberikan bimbingan terhadap kanak-kanak kerana kekurangan bahan rujukan khusus.

Kanak-kanak cepat merasa bosan dengan aktiviti yang disediakan oleh guru dalam bilik darjah. Aktiviti yang disediakan tidak mencabar daya imaginasi serta kreativiti kanak-kanak. Guru seharusnya mencungkil kreativiti, memberi bimbingan untuk meningkatkan daya imaginasi kanak-kanak dengan aktiviti yang lebih mencabar. Selain daripada itu, guru perlu memikirkan untuk mempelbagaikan perlaksanaan aktiviti terhadap kanak-kanak untuk mengelakkan mereka merasa bosan (Abdul Majid, N., Nordin, A., & Kamarodzan, N., 2020).



Lakaran pada permukaan yang besar dan kosong iaitu permukaan dinding, lantai dan panel pintu sering menjadi tumpuan kanak-kanak meluahkan idea lakaran (Al-Hurwitz & Day, 2005). Walaubagaimanpun, kanak-kanak sering disekat untuk meluahkan idea-idea, ekspresi emosi dan kreativiti kerana ibu bapa merasakan lakaran akan mengotorkan permukaan tersebut. Ibu bapa tidak memberikan ruang dan peluang kepada kanak-kanak untuk berkarya atau meluahkan idea kreatif. Ibu bapa sering merasakan kanak-kanak yang kreatif, sebagai kanak-kanak yang ganjil, tidak matang, tidak normal atau nakal (Jill Englebright Fox & Robber Schirrmacher, 2015).

Sedangkan kanak-kanak yang kreatif akan sentiasa bergerak aktif dan berinteraksi dengan persekitaran. Kanak-kanak yang aktif meneroka dapat membina pengamatan pengalaman yang lebih jelas. Hal ini adalah kerana melalui penerokaan terhadap persekitaran, kanak-kanak dapat menjana idea-idea yang baru dan lebih





kreatif. Menerusi sokongan dan galakkan daripada ibu bapa dan penjaga, penghasilan lukisan merupakan cara untuk meningkatkan perkembangan fizikal, sosial, emosi, dan kognitif kanak-kanak (Sandra Crosser, 1998).

Ibu bapa boleh dilibatkan di mana-mana situasi yang difikirkan perlu supaya mereka memahami kaedah pengajaran yang digunakan di peringkat prasekolah. Ini akan memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan kognitif, kreativiti dan emosi anak dan mereka juga boleh melakukan perkara yang sama di rumah (Suppiah Nachiappan., Rachel Mildred Edward Munovah., Norazilawati Abdullah., & Sandra Suffian, 2017).

1.4 Tujuan Kajian



Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penggunaan asas lakaran terhadap perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Penyelidik ingin mengkaji tahap kefahaman guru terhadap asas lakaran sebelum diterapkan kepada kanak-kanak. Seterusnya, penyelidik ingin melihat kepentingan asas lakaran dalam aspek garisan bagi penghasilan imej. Melalui lakaran, kanak-kanak turut menzahirkan ekspresi emosi dan kreativiti kanak-kanak melalui penghasilan imej.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan kepentingan asas lakaran dalam aktiviti seni visual terhadap perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Tumpuan kajian ini terhadap guru prasekolah dan kanak-kanak berumur lima tahun.





Objektif Kajian yang ditekankan adalah seperti berikut:

1.5.1 Untuk mengenal pasti keupayaan terhadap minat kanak-kanak dalam memahami asas lakaran semasa menjalani aktiviti artistik.

1.5.2 Untuk menganalisis ekspresi diri kanak-kanak melalui penghasilan imej dalam asas lakaran.

1.5.3 Untuk menghasilkan kefahaman tentang tatacara kanak-kanak menginterpretasikan asas lakaran terhadap kreativiti seni visual.



1.6 Persoalan Kajian



Setelah membuat tinjauan awal, penyelidik menyimpulkan untuk menyatakan tiga persoalan dalam kajian ini, iaitu:

1.6.1 Adakah dengan memupuk minat kanak-kanak dapat menghasilkan lakaran seni visual melalui aktiviti artistik di dalam kelas?

1.6.2 Bagaimanakah kanak-kanak dapat menggambarkan ekspresi diri melalui hasil lakaran?

1.6.3 Sejauh manakah bimbingan guru dapat menghasilkan kefahaman untuk menginterpretasi asas lakaran terhadap kreativiti seni visual kanak-kanak?






1.7 Kerangka Teori Kajian

Penyelidikan ini bersandarkan kepada iaitu Teori Perkembangan Artistik Hurwitz dan Day (2001) serta Lima Tahap Kreativiti Irving A. Taylor (1976). Teori ini dipilih sebagai panduan dalam menjalankan penyelidikan lakaran terhadap kanak-kanak. Hurwitz dan Day merumuskan perkembangan artistik kanak-kanak terbahagi kepada tiga tahap, iaitu Peringkat Manipulatif atau Zaman Awal Kanak-kanak (2-5 Tahun), Peringkat Membuat Simbol (6-9 Tahun) dan Pra-Remaja (10-13 Tahun). Penyelidik hanya memfokuskan kepada tahap yang pertama, kerana kajian ini melibatkan kanak-kanak berumur lima tahun.

Lima tahap kreativiti yang diperkenalkan oleh Irving A. Taylor (1969) mengandungi lima elemen kreativiti yang bersifat ekspresif, kreatif melalui proses penghasilan, bersifat inventif, bersifat inovatif dan bersifat imaginatif. Tahap yang pertama iaitu kreativiti bersifat ekspresif, selalunya berlaku secara bebas dan spontan. Tahap kedua, kreativiti bersifat penghasilan merujuk kepada kecekapan kanak-kanak menghasilkan sesuatu lakaran.

Manakala Tahap ketiga, iaitu kreativiti bersifat inventif merujuk kepada kebolehan kanak-kanak mencipta objek baharu menerusi proses eksperimentasi. Seterusnya, kreativiti bersifat inovatif yang merujuk kepada proses pengubahsuaian daripada konsep asas kepada idea yang baharu. Manakala kreativiti bersifat emergen adalah tahap kreativiti yang tertinggi dan biasanya muncul dalam bentuk abstrak (huraian lengkap akan dijelaskan dalam bab 2). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian yang menggabungkan teori perkembangan kanak-kanak dan lima tahap kreativiti.





Rajah 1.1. Kerangka teoritikal kajian diadaptasi dan diubahsuai daripada “*Model Discipline and Multi Discipline in Visual Art Education*”

Teori perkembangan artistik Hurwitz dan Day peringkat pertama dan lima tahap kreativiti Irving A. Taylor digunakan dalam pembinaan kerangka teori kerana mempunyai hubungan yang signifikan. Teori perkembangan merujuk kepada perkembangan kanak-kanak berumur lima tahun yang dijadikan subjek dalam kajian ini. Manakala lima tahap kreativiti digunakan sebagai salah satu elemen dalam rubrik



analisis lakaran kanak-kanak. Elemen kreativiti ini digunakan untuk meneliti sejauh mana perkembangan kreativiti wujud dalam penghasilan lakaran kanak-kanak dan berada pada tahap yang selari dengan lima tahap kreativiti Irving A. Taylor. Huraian lanjut tentang teori perkembangan artistik dan lima tahap kreativiti dinyatakan dalam bab 2.

1.7.1 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konsep kajian ini dalam rajah 1.2 menjelaskan keseluruhan kajian ini yang meliputi teori, objektif kajian, instrumen kajian, pendekatan analisis data. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori perkembangan artistik kanak-kanak dan lima tahap kreativiti. Kedua-duanya dipilih kerana mempunyai signifikan dengan tajuk

kajian dan selari dengan tiga objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik.



Instrumen yang dikenal pasti digunakan bagi mendapatkan data adalah temubual separa berstruktur dan dokumen lakaran daripada tiga tema. Penyelidik menetapkan tiga tema dalam lakaran ini adalah untuk menilai perkembangan lakaran yang wujud dalam setiap tema lakaran. Tema-tema tugas ini membantu meningkatkan kemahiran dan kreativiti kanak-kanak (Hsu., & Ya-Huei. (2015) dan Ramli.M.F., & Musa.R. 2020).





Rajah 1.2. Kerangka konsep kajian (teori, objektif dan proses dalam kajian ini)



1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah supaya asas lakaran dapat meningkatkan kreativiti, aras pemikiran kanak-kanak yang responsif. Seterusnya, asas lakaran akan membentuk keunikan pembinaan pemikiran kanak-kanak. Melalui lakaran asas, eksplorasi bahasa visual naif dapat diterokai dalam diri kanak-kanak. Aspek naratif visual dapat diselidiki secara tanpa lisan iaitu melalui simbol, imej dan ikon yang terhasil dari lakaran kanak-kanak. Seterusnya hasil dapatan kajian ini, diharapkan dapat membantu Jabatan Pendidikan Negeri agar dijadikan panduan kepada guru dalam menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran murid prasekolah.

Selain daripada modul, penghasilan bahan-bahan pengajaran yang berkaitan serta merangka aktiviti-aktiviti yang bersesuaian bagi meningkatkan kreativiti kanak-kanak. Menerusi kajian ini, lakaran membantu kanak-kanak meluahkan pelbagai emosi, pengalaman, perasaan dan peristiwa yang penting melalui imej yang dihasilkan. Aktiviti seni visual, juga mampu mendorong dan memperkasakan kanak-kanak berfikir dengan lebih kreatif dan mampu menyelesaikan masalah. Kemahiran berfikir kanak-kanak mampu menterjemah pengalaman, idea, dan konsep dalam karya seni.

Kepentingan kajian ini dijalankan, adalah supaya dapat mengenal pasti kanak-kanak yang kreatif mampu menghasilkan karya seni, yang merentas domain bahasa, kognitif, emosi, fizikal dan juga sosial. Melalui karya seni khususnya lakaran, kanak-kanak dapat menyampaikan idea mereka tanpa bergantung kepada bahasa lisan. Lakaran juga menjadi salah satu alat komunikasi kanak-kanak dalam menceritakan pengalaman mereka. Oleh kerana itu, kajian ini dijalankan bagi membantu guru





mengenal pasti ekspresi kanak-kanak melalui penghasilan lakaran, mengenal pasti keupayaan kanak-kanak dalam menghasilkan imej yang kreatif.

Ibu bapa seharusnya mendidik kanak-kanak di peringkat ini supaya lebih positif dan berani meluahkan ekspresi diri mereka. Hal ini adalah kerana aktiviti seni ini juga boleh membantu ke arah kematangan seseorang kanak-kanak. Di samping, aktiviti seni yang diberi dorongan dan sokongan oleh ibu bapa, turut membantu perkembangan kognitif, efektif dan psikomotor mereka. Melalui hasil dapatan kajian ini juga, dapat membantu penyelidik lain untuk meneruskan penyelidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

1.9 Batasan Kajian



Batasan kajian bermaksud sejauh mana sempadan terhadap kajian yang dilaksanakan. Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada batasan terhadap kawasan atau lokasi kajian, batasan terhadap peserta atau sampel kajian, batasan tema lakaran, dan batasan terhadap instrumen kajian. Hasil dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasi melebihi sempadan kajian penyelidik.

1.9.1 Batasan Kawasan

Penyelidikan ini telah dibataskan kepada dua kawasan sahaja iaitu Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu. Pemilihan empat buah sekolah daripada dua kawasan ini yang mempunyai kelas prasekolah ditentukan oleh penyelidik berdasarkan kepada kriteria





sekolah kluster kecemerlangan. Sekolah-sekolah kluster ini mempunyai kelas prasekolah dan telah dikenal pasti sebelum penyelidikan ini dijalankan.

1.9.2 Batasan Sampel Kajian

Sampel kajian yang telah dikenal pasti adalah terbatas kepada lapan orang guru prasekolah dan 25 orang kanak-kanak. Sampel kajian guru diperlukan dalam aplikasi instrumen temu bual, manakala kanak-kanak bagi instrumen dokumen lakaran. Penyelidik tidak menjalankan temu bual ke atas kanak-kanak kerana jawapan yang diberikan masih dianggap kurang matang dalam memberi respon kepada data lapangan.



1.9.3 Batasan Tema Lakaran

Kajian yang akan dilaksanakan, terhadap kanak-kanak prasekolah melibatkan lakaran yang terbatas kepada tiga tema. Kanak-kanak prasekolah perlu menghasilkan lakaran yang bertemakan Rumah Keluarga Saya, Kenderaan dan Ahli Keluarga Saya. Tema-tema ini telah dikenal pasti terkandung Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.

1.9.4 Batasan Instrumen Kajian

Penyelidik menghadapi keterbatasan bagi menggunakan instrumen pemerhatian, rakaman video dan visual di dalam bilik darjah. Penyelidik tidak dapat berada bersama di dalam kelas semasa aktiviti melakar berlangsung. Tetapi penyelidik dibenarkan berada berhampiran kelas dan penyelidik menjadikan guru sebagai pemerhati





sepanjang aktiviti berlangsung. Keterbatasan ini adalah kerana penyelidik terpaksa akur dengan garis panduan dalam surat kebenaran penyelidikan yang dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan dan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

1.9.5 Batasan Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang penyelidik perolehi melalui penyelidikan ini, tidak mewakili kesemua kanak-kanak dan guru prasekolah di negara ini. Dapatan ini hanya terhad kepada lokasi penyelidikan ini dijalankan sahaja, berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Namun terdapat dapatan yang tidak terjangka pada peringkat awal penyelidikan ini dijalankan.



1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan latar belakang kajian asas lakaran terhadap perkembangan kreativiti kanak-kanak yang telah dilaksanakan. Selain daripada itu, penyelidik turut menyatakan masalah yang telah dikenal pasti dan menyarai objektif serta persoalan kajian. Penyelidik juga menyediakan kerangka teori dan kerangka konsep kajian yang menunjukkan ringkasan proses terhadap kajian ini. Kepentingan kajian dibincangkan dalam bab ini oleh penyelidik bagi memberi gambaran bahawa kajian ini perlu dilaksanakan atas faktor keperluan. Selain itu, pemahaman dan penguasaan asas lakaran jangkaan awal dalam kajian. Perbincangan selanjutnya iaitu kajian literatur dibincangkan secara lebih terperinci dalam bab yang selanjutnya iaitu dalam bab 2.

